

08 DEC 2002

Sabah-Selamat

SABAH SELAMAT UNTUK DIKUNJUNGI, KATA SALLEH

KOTA KINABALU, 8 Dis (Bernama) -- Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan negeri Datuk Salleh Tun Said hari ini menyatakan keyakinannya bahawa pelawat akan terus mengunjungi Sabah kerana percaya keselamatan mereka terjamin ketika berada di negeri ini.

Beliau berkata pelawat ke negeri ini juga tidak akan mudah terpengaruh dengan andaian sesetengah pihak yang meragui tahap keselamatan di Sabah.

"Jelas kita lihat dalam perayaan-perayaan seperti Hari Raya ini rakyat pelbagai kaum dan agama bebas bergaul dengan begitu selesa," katanya kepada wartawan pada majlis rumah terbuka Hari Raya di kediaman beliau di Likas.

Selain semangat setiakawan di kalangan rakyat, Malaysia juga sebuah negara aman dan mempunyai suasana politik yang stabil, katanya.

"Oleh kerana itu saya yakin sungguh pelawat tidak akan terpengaruh dengan dengan usaha segelintir pihak yang mahu lihat negara kita tidak dikunjungi pelancong," kata beliau.

Salleh yang juga Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah juga berkata perpaduan di kalangan rakyat pelbagai kaum semakin kukuh hasil usaha kepimpinan negara.

Beliau berkata pemimpin negara khususnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sentiasa membuat seruan ke arah perpaduan yang jitu di kalangan rakyat.

"Seruan seperti ini telah diterima oleh rakyat keseluruhannya...saya lihat bahawa masa depan kita lebih gemilang oleh kerana rakyat, terutamanya generasi muda, ingin melihat masa depan negara kita terus terjamin," kata beliau.

Salleh berkata kerajaan memang sentiasa menggalakkan rakyat berinteraksi supaya tiada sesiapa pun yang merasa tersisih.

-- BERNAMA

JS PR